

**Exim Bank Sasarkan Luluskan Urus Niaga Bernilai RM3 Bilion Tahun Depan
Bernama
22 Ogos 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Exim Bank menyasarkan untuk meluluskan permohonan bernilai RM3 bilion tahun depan kerana bank itu kini semakin meraih momentum dalam perniagaan, kata pengarah urusan merangkap ketua pegawai eksekutifnya, Adissadikin Ali.

Daripada jumlah itu, beliau menjangka bank itu dapat mengeluarkan pembayaran antara RM1.2 bilion dengan RM1.25 bilion tahun depan.

"Akan ada sedikit pertumbuhan tahun depan. Kami mengunjurkan pertumbuhan sekurang-kurangnya 20 peratus," katanya kepada Bernama.

Tahun ini, bank itu menjangka dapat meluluskan permohonan bernilai RM2.5 bilion dan daripada jumlah itu, RM1 bilion disasarkan untuk dikeluarkan pembayaran.

"Kami telah mengeluarkan pembayaran hampir RM500,000. Kami menepati sasaran untuk mencapai RM1 bilion hingga Disember," katanya.

Adissadikin berkata hingga Julai tahun ini, Exim Bank telah meluluskan 45 permohonan dan menjangka bilangan itu meningkat kepada kira-kira 80 urusan niaga menjelang akhir tahun.

Beliau berkata purata saiz pinjaman bagi satu-satu permohonan ialah kira-kira RM20 juta tetapi ada juga permohonan yang bernilai setinggi US\$100 juta atau RM200 juta.

Kata Adissadikin Exim Bank menjangka untuk menandatangani perjanjian dengan sebuah kumpulan hotel tempatan di Kuala Lumpur bulan depan. Menurutnya bank itu telah meluluskan hampir US\$50 juta bagi kumpulan hotel itu. Kumpulan itu akan membina sebuah hotel baharu di Australia dan sebuah lagi di Liverpool.

Bank itu juga sedang mengkaji beberapa permohonan lain daripada beberapa pengusaha hotel tempatan, katanya.

Exim Bank semakin banyak terlibat dengan pembiayaan perdagangan dan usaha membantu syarikat-syarikat Malaysia mengeksport dan mengimport ke/dari luar negara, kata Adissadikin.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609539>